

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 NOVEMBER 2016

Sempena kunjungan jalinan diplomatik Perdana Menteri ke China

# Kerjasama berbilion ringgit



**Baharom  
Mahusin**

Melaporkan dari BEIJING, CHINA

■ BEIJING 31 OKTOBER

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak tiba di ibu kota China ini hari ini untuk memulakan lawatan rasmi yang dijangka membuahakan kerjasama dalam pelbagai bidang dan pelaksanaan projek-projek ekonomi dan infrastruktur, bisnes dan eksport bernilai berbilion ringgit antara Malaysia dan China.

Pesawat khas membawa Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing Capital pada pukul 12.30 tengah hari, disambut oleh Timbalan Menteri Luar China, Liu Zhenming dan Duta Besar Malaysia ke China, Datuk Zainuddin Yahya.

Najib membawa bersama lapan orang menteri Kabinet serta dua menteri besar, seorang ketua menteri dan seorang menteri dari Sarawak untuk memulakan lawatan rasmi selama tujuh hari yang kemuncaknya adalah pertemuan dengan Presiden China, Xi Jinping dan Perdana Menteri China, Li Keqiang.

Dalam lawatan itu, beliau akan terlibat dalam Forum Bisnes Malaysia-China, perbincangan dengan pelabur-pelabur China dan tokoh perniagaan serta akan menyaksikan majlis menandatangani sekurang-kurangnya 20 perjanjian



**NAJIB TUN RAZAK** dan isteri Rosmah Mansor disambut Liu Zhen Min sebaik sahaja tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Beijing semalam bagi memulakan lawatan rasmi selama enam hari ke China. Turut menyambut ketibaan beliau Zainuddin Yahya (tiga, kiri). Lawatan ini merupakan jemputan Perdana Menteri China Li Keqiang dan ketiga oleh Najib sejak 2009. - BERNAMA

persefahaman antara kerajaan Malaysia dengan China dan perjanjian antara syarikat-syarikat swasta kedua-dua negara.

Antara yang menjadi tumpuan dalam lawatan Perdana Menteri ke China ialah majlis menandatangani perjanjian persefahaman melibatkan projek Kereta Api Pantai Timur atau East Coast Rail Link (ECRL) yang akan dibina menggunakan kepakaran dan pembiayaan yang kompetitif daripada China.

Projek landasan kereta api ECRL sepanjang 600 kilometer itu akan menghubungkan Kuala Lumpur dan Lembah Klang dengan Kuantan, Pahang sehingga ke negeri Terengganu serta Tumpat di Kelantan.

Apabila siap kelak, projek yang dianggarkan bernilai RM55 bilion itu akan menjadi pemangkin ekonomi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) membabitkan negeri Pahang, Terengganu, Kelantan dan sebahagian timur

laut Johor.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah yang turut mengikuti rombongan delegasi lawatan Perdana Menteri itu memberitahu, perjanjian yang akan ditandatangani antara Malaysia dan China esok akan membolehkan projek tersebut dimuktamadkan sebelum hujung tahun ini.

“Selepas majlis menandatangani perjanjian itu yang akan disaksikan oleh Perdana Menteri

Najib dan Perdana Menteri Keqiang, projek pembinaan ECRL akan dimulakan awal tahun depan,” kata Dr. Mohd. Irwan kepada wartawan Malaysia di sini.

Menurut Dr. Mohd. Irwan, proses pengambilan tanah sepanjang laluan yang dirancang untuk ECRL telah selesai.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid pula memberitahu beliau dan para pegawai kementeriannya datang untuk mempelajari bagaimana sistem pendidikan di China mentransformasikan program pendidikan sains dan matematik, teknologi maklumat, sukan dan pelaksanaan program dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Sementara itu, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berharap lawatan rasmi Perdana Menteri itu dapat membantu Malaysia untuk kembali melonjakkan eksport komoditi kelapa sawit, biodiesel dan getah ke pasaran China.

Menteri lain yang terlibat dalam rombongan Perdana Menteri ialah Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; serta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz. - UTUSAN